From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DUA AHLI AKADEMIK UUM PERKUKUH JARINGAN ANTARABANGSA MELALUI PROGRAM VISITING PROFESSOR DI UNIVERSITAS MAJALENGKA
Date: Sunday, 6 September, 2026 9:53:14 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

6 SEPTEMBER 2026 / 24 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Dr. Muhamad Asyraf Abdul Rahman
Gambar oleh: Prof. Madya Dr. Mat Rahimi Yusof

DUA AHLI AKADEMIK UUM PERKUKUH JARINGAN ANTARABANGSA MELALUI PROGRAM VISITING PROFESSOR DI UNIVERSITAS MAJALENGKA



UUM ONLINE: Majalengka - Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan jaringan akademik antarabangsa menerusi penglibatan dua ahli akademiknya sebagai penceramah dalam program International *Visiting Professor* di Universitas Majalengka (UNMA), Jawa Barat, Indonesia.

Program yang berlangsung pada 26 Ogos 2026 itu melibatkan Prof. Madya Dr. Mat Rahimi Yusof dan Dr. Muhammad Asyraf Abdul Rahman dari Pusat Pengajian Pendidikan (SOE), UUM yang berkongsi kepakaran masing-masing dalam bidang penyelidikan pendidikan serta profesionalisme keguruan.

Dr. Mat Rahimi menyampaikan kuliah bertajuk *"From Data to Evidence: The Use of Structural Equation Modeling (SEM-AMOS) in Developing Data-Driven Educational Research"* di Dewan Serbaguna FKIP, Universitas Majalengka.



Kuliah yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari waktu Indonesia Barat itu disertai oleh pensyarah dan pelajar Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP), Universitas Majalengka.

Dalam perkongsiannya, beliau menekankan kepentingan penyelidik pendidikan bergerak daripada sekadar mengumpul data kepada usaha menghasilkan bukti empirikal yang sah, boleh dipercayai dan mampu menyokong pembuatan keputusan.

Beliau turut menjelaskan peranan *Structural Equation Modeling* (SEM) menggunakan AMOS sebagai antara pendekatan analisis yang boleh digunakan untuk menguji model teoritikal, hubungan antara pemboleh ubah dan kesesuaian model dalam penyelidikan pendidikan berasaskan data.



Menurutnya, perkembangan penyelidikan pendidikan masa kini memerlukan penyelidik bukan sahaja mempunyai keupayaan mengumpul data dalam jumlah yang besar, malah perlu mempunyai kefahaman metodologi yang kukuh untuk menukarkan data tersebut kepada bukti yang bermakna.

“Penyelidikan yang berkualiti tidak bermula dengan perisian analisis, tetapi bermula dengan masalah penyelidikan yang jelas, persoalan kajian yang tepat serta pemilihan kaedah analisis yang selaras dengan objektif kajian.

“Data hanya akan menjadi bukti apabila dianalisis secara sistematik, mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan serta mampu memberikan jawapan yang meyakinkan terhadap persoalan penyelidikan,” katanya.



Sementara itu, Dr. Muhammad Asyraf pula menyampaikan perkongsian bertajuk *"Teacher's Professionalism & CPD: A Malaysian Education System Context"* di Quality Center UNMA dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Perkongsian tersebut memberi pendedahan kepada pelajar UNMA berkaitan profesionalisme guru serta kepentingan *Continuous Professional Development* (CPD) dalam konteks sistem pendidikan Malaysia.

Beliau mengetengahkan kepentingan pembangunan profesional yang berterusan dalam memastikan guru sentiasa responsif terhadap perubahan kurikulum, pedagogi, teknologi pendidikan serta keperluan pembelajaran generasi masa kini.



Penglibatan kedua-dua ahli akademik UUM itu turut menyediakan ruang pertukaran ilmu berkaitan amalan pendidikan antara Malaysia dan Indonesia, selain membuka peluang kepada pensyarah dan pelajar Universitas Majalengka memahami perkembangan semasa pendidikan Malaysia.

Dr. Mat Rahimi berkata, program *visiting professor* merupakan platform penting untuk memperluas ekosistem kerjasama antarabangsa universiti.

"Program seperti ini bukan sahaja berkaitan penyampaian kuliah. Ia membuka ruang kepada perbincangan tentang penyelidikan bersama, penerbitan, mobiliti pelajar dan pensyarah serta pembangunan program akademik pada masa hadapan.



“Hubungan akademik antara universiti akan menjadi lebih bermakna apabila perkongsian ilmu diterjemahkan kepada kolaborasi yang memberikan manfaat kepada kedua-dua institusi,” katanya.

Program *visiting professor* itu dilaksanakan bersempena penglibatan delegasi UUM dalam International Mobility CAPEU 2026 – Aspire UNMA yang berlangsung di Majalengka dari 23 hingga 28 Ogos 2026 dan merangkumi aktiviti mobiliti antarabangsa, pertukaran budaya serta penglibatan komuniti.

Program mobiliti tersebut turut menghimpunkan peserta dari Malaysia, Indonesia, Tanzania, Iran, India dan Brunei Darussalam, sekali gus mewujudkan persekitaran pembelajaran antarabangsa yang menggalakkan interaksi silang budaya dan pembinaan jaringan global.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.